

Pembingkaihan Generik Berita Strategik dalam Program Transformasi Negara (GTP)

AZAHAR KASIM
Universiti Utara Malaysia

MOKHTARRUDIN AHMAD
Universiti Multimedia, Malaysia

AZMAN BIDIN
Universiti Malaysia Kelantan

RACHMAT KRIYANTONO
Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia

ABSTRAK

Media dan kerajaan ialah dua institusi yang saling memerlukan antara satu sama lain bagi melaksanakan tanggungjawab dan keperluan kedua-dua pihak. Media mempunyai agendanya tersendiri dan kerajaan mempunyai agenda polisi untuk disampaikan kepada masyarakat. Kedua-dua agenda itu ditambah dengan agenda rakyat, melengkapinya ketiga-tiga agenda yang disusun dan diguna pakai untuk menyampaikan mesej kepada rakyat mengenai dasar kerajaan. Dasar kerajaan mesti disampaikan kepada rakyat dengan cara bijaksana kerana kesinambungan kepimpinan sesebuah kerajaan bergantung juga kepada kefahaman rakyat terhadap kesejahteraan mereka serta hak yang boleh dimiliki. Kajian ini memfokuskan kepada tiga agenda dan teknik penyampaian mesej melalui pemingkaihan bagi merealisasikan agenda dengan meneliti aspek, kata, frasa dan ayat-ayat yang digunakan oleh media dalam menghasilkan berita strategik mengenai dasar kerajaan. Matlamat akhir kajian ini adalah mengenal pasti tahap keberkesanan berita strategik terhadap dasar kerajaan kepada rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan sebanyak tiga akhbar iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia dan Malaysiakini dipilih untuk dianalisis menggunakan pendekatan Analisis Kritikal Metafora (CMA). Dapatan kajian ini mendapati wartawan dan editor akhbar menggunakan kata, frasa dan ayat-ayat tertentu untuk melaksanakan pemingkaihan generik dalam usaha memudahkan pemahaman pembaca. Pembentukan pemingkaihan generik ini membantu pembaca memfokuskan bacaan mereka walaupun wartawan dan editor menulis isu yang sangat berat, iaitu dasar kerajaan tetapi boleh difahami selepas pembaca menelaah penulisan berita strategik itu.

Kata kunci: *Berita strategik, pemingkaihan, metafora, organisasi media, wartawan.*

Generic Framing of Strategic News in the Program Transformasi Negara (GTP)

ABSTRACT

The media and the government are two institutions that need each other to carry out the responsibilities and needs of both parties. The media has its own agenda and the government has a policy agenda to be disseminated to the public. The two agendas coupled with the people's agenda are complementary as ultimately the aim is to convey messages on government policies to the public. Government policy must be

communicated to the people in a wise manner because the continuity of the leadership of a government also depends on the people's understanding of their well-being and the rights that can be owned. This research will focus on three agendas and techniques of message delivery through framing to realize the agenda by examining the aspects, words, phrases and sentences used by the media in producing strategic news on government policy. The ultimate goal of this study is to identify the level of effectiveness of strategic news on government policy to the people. This study uses qualitative content analysis method and a total of three newspapers namely *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* and *Malaysiakini* were selected for analysis using the Critical Metaphor Analysis (CMA) approach. The findings of this study found that journalists and newspaper editors use certain words, phrases and sentences to implement generic framing in an effort to facilitate reader comprehension. The formation of this generic framing helps readers focus their reading even when journalists and editors write on a very heavy issue, which is government policy but can be understood after the reader reviews the strategic news writing.

Keywords: *Strategic news, framing, metaphor, media organization, journalist.*

LATAR BELAKANG

Media massa merupakan satu manifestasi kemajuan dalam teknologi komunikasi dan informasi yang semakin banyak berkembang dan memungkinkan penyebaran informasi dengan lebih cepat dan mudah dalam kalangan masyarakat. Informasi yang disebarluaskan bukan sahaja mampu mempengaruhi corak pandangan dan gaya hidup masyarakat, malah membentuk budaya suatu bangsa (Sohana, 2016). Media juga dianggap sebagai satu mekanisme perhubungan yang kuat kerana boleh memberi impak yang sangat besar dalam aspek kehidupan. Faradillah, Hazlin, Nur Zakira dan Nuraina (2015) menyatakan media juga menjadi perantara antara masyarakat dengan kerajaan dalam menyuarakan pendapat dan hak asasi manusia dan ia menjadi medium komunikasi untuk kerajaan dalam usaha memajukan dan mentransformasi negara ke arah yang lebih baik. Media sebagai medium perantaraan yang digunakan dalam menyebarkan idea atau pendapat sehingga idea atau pendapat tersebut sampai kepada penerima sasaran, apa yang dilaporkan media difahami oleh pembaca. Dalam konteks sesebuah negara, pembaca ialah rakyat jelata yang memerlukan informasi terkini. Selain itu, wartawan sangat penting sebagai penyebar maklumat, menterjemah maklumat menjadi berita dan pemerhati kepada kerajaan sehingga peranan itu memberi kesan positif kepada masyarakat pembaca menerusi penulisan berita (Mohd Zuwairi & Normah, 2018).

Peranan media berubah daripada masa ke semasa malahan akhbar hari ini bertindak sebagai penyebar dasar kerajaan iaitu mendidik, memberitahu dan memotivasi masyarakat ke arah matlamat pembangunan yang ditetapkan oleh kerajaan (Normah & Faridah, 2018). Manakala media arus perdana mempunyai tanggungjawab besar dalam menyebarkan segala maklumat, berita, dan isu semasa tidak kira maklumat itu dari luar negara ataupun tempatan kerana masyarakat pembaca adalah golongan yang menerima apa sahaja berita daripada media arus perdana (Mohd Syuhaidi & Nur Shakila, 2019). Sesuatu berita dan maklumat yang hendak disampaikan secara adil dan tidak berat sebelah oleh media tidak boleh lari daripada hakikat bahawa organisasi media mempunyai agenda mereka sendiri. Media mempunyai agenda media dan kerajaan mempunyai agenda kerajaan. Dengan itu dapat dilihat, kerajaan yang berkepentingan untuk melancarkan program atau sesebuah dasar akan menjadikan media sebagai perantara kepada masyarakat untuk menjelaskan sebab, kesan, kebaikan dan keburukan program ataupun dasar kerajaan yang dilancarkan tersebut. Media merupakan penghubung antara kerajaan dan rakyat melalui perkongsian maklumat dan fakta

yang tepat melalui karya penulisan. Media mesti meneruskan peranannya untuk melaporkan agenda pembangunan kerajaan (Sabah Media, 2021).

Sehubungan itu, dalam misi menyebarkan maklumat bentuk penulisan yang mempunyai makna tersirat sedang dilaksanakan dalam organisasi media dengan motif dan matlamat tertentu. Berikutan itu, pelbagai gaya dan teknik penyampaian berita secara strategik disusun supaya mampu mempengaruhi pelbagai aspek termasuk ekonomi, politik, sosial dan dasar kerajaan. Mohd Zuwairi, Normah, Abdul Latiff dan Badrul Redzuan (2016) menjelaskan penulisan berbentuk interpretif mengambil kira elemen menilai, menganalisis, dan menerangkan isu tertentu serta bukan sahaja menumpukan kepada laporan fakta semata-mata. Ini kerana pembaca seringkali mengubah suai penetapan maklumat dan imej yang diperolehi daripada media dalam proses membina identiti dan dunia personal mereka. Tidak dapat dinafikan setiap isu yang dikemukakan oleh media adalah untuk memberi ruang seseorang individu mentafsir dan menilai mesej yang dipersembahkan oleh media. Isu itu akan ditingkatkan oleh media supaya ia mampu memberi kesan kepada masyarakat dalam memahami isu-isu yang dikemukakan. Cara sesuatu isu ditingkatkan sangat penting kerana ia bakal menentukan sama ada isu tersebut mendapat perhatian pengamal media dalam menentukan maklumat yang dianggap penting atau layak untuk dijadikan berita yang mampu mempengaruhi pemikiran (Norli, Mohd Sufiean, Tun Mastura & Fazurah, 2021). Hal ini kerana perkembangan media baharu telah menawarkan satu platform baharu kepada golongan ini untuk membaca, mempercayai dan seterusnya menyebarkan sesuatu berita yang diterima itu kepada pihak lain (Shahrul Nazmi, 2020).

Oleh itu, peningkatan isu tertentu sangat penting bagi media dan kerajaan. Bagi mengekalkan kuasa dan autoriti kerajaan, media terus memapar dan meningkatkan dasar kerajaan. Ini kerana peranan media penting dalam membentuk dan membina hala tuju sesebuah negara (Yahya, 2017). Media massa menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan (Yahya, 2017). Media massa menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan (Yahya, 2017). Sehubungan itu, media massa memerlukan rakyat memberi maklum balas dan komen serta memberi pandangan balas melalui berita yang ditulis oleh wartawan mengenai dasar kerajaan.

Perkataan dasar itu merujuk tingkah laku beberapa aktor atau pelaku yang tertentu dalam pembuatan polisi dasar awam yang rasmi. Pandangan maklum balas itu menyebabkan pihak kerajaan mendengar, memerhati dan membuat perubahan supaya dasar berupaya memenuhi keperluan rakyat. Tindakan itu membolehkan mereka terus kekal berkuasa dengan sokongan rakyat apabila dasar kerajaan dilaksanakan dengan baik. Ini kerana melaksanakan dasar yang memenuhi keperluan rakyat dan memberi keselesaan membolehkan kerajaan mengekalkan sokongan rakyat (Malike, Mohamad Zaki & Musliza, 2018). Sebagai contoh, dalam usaha menarik sokongan politik setelah prestasi lemah Barisan Nasional (BN) dalam Pilihanraya Umum (PRU) ke-12 pada 2008, kerajaan melalui parti pemerintah menguar-uarkan dasar untuk cuba membeli sokongan tanpa mepedulikan kesannya terhadap ekonomi dalam jangka panjang. Misalnya bilangan pekerja awam telah berlipat ganda dalam satu dasawarsa (Norman, 2018).

Banyak kajian empirikal yang mengkaji mengenai peranan kerajaan menyatakan bahawa kerajaan tidak boleh lari daripada apa yang dilaksanakan dalam kerajaan amat dipengaruhi oleh maklumat yang disediakan oleh media daripada segi praktis dan amalan (Figenschou & Thorbjornsrud, 2015; Pallas & Fredriksson, 2014; Thorbjornsrud, Figenschou & Ihlen, 2014). Maklumat adalah penting untuk berkomunikasi, ini kerana kandungan maklumat yang dihasilkan

secara tekstual adalah material komunikasi (KhosraviNik, 2022). Sebagai contoh, di Korea Selatan, apabila kerajaan melancarkan dasar kesihatan Mooncare, kejayaan dan kegagalan dasar tersebut turut didorong oleh penglibatan media. Jo dan You (2019) menunjukkan bahawa makna yang difahami oleh masyarakat mengenai *Mooncare* tidak selari dengan apa yang ingin dicapai oleh dasar. Akhbar konservatif lebih menonjolkan mengenai risiko dan beban kewangan yang ditanggung kerajaan manakala akhbar liberal pula lebih melaporkan usaha kerajaan dalam melindungi rakyat daripada krisis kesihatan. Sehingga kini, walaupun dasar tersebut dianggap berjaya, namun konflik sosial mengenai dasar tersebut gagal dikurangkan.

Kajian dasar mengenai Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) di negara ini adalah membabitkan persepsi golongan belia mengenai personaliti, pentadbiran dan dasar Najib Tun Razak (Noor Amirah, Mohd Rozaimy & Sharipah Syahirah, 2012). Kajian lain ialah mengenai kehebatan program transformasi kerajaan (Maizatul Haizan & Wan Idros, 2014) memfokuskan impak pelaksanaan GTP kepada rakyat dan kakitangan kerajaan. Amat kurang kajian mengenai dasar kerajaan di negara ini meneliti kata, frasa dan ayat-ayat yang ditulis oleh wartawan serta mengupaskan erti dan mengkaji teknik penulisan yang membawa erti makna tertentu untuk difahami oleh rakyat selepas kerajaan menggubal dan melaksanakan dasar. Ini kerana apa yang difahami oleh masyarakat penting selari dengan kehendak kerajaan yang mahu mereka terus diberi sokongan apabila dasar digubal dan dihebahkan kepada masyarakat. Hebahan makna dan maksud ini amat kompleks kerana ia mesti dilakukan oleh media melalui wartawan dan editor menerusi penulisan untuk disampaikan kepada masyarakat. Sebagai contoh, walaupun Mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik dilihat berjaya menghasilkan banyak inovasi meningkatkan taraf pendidikan negara, menambah baik perkhidmatan pendidikan terutamanya menghapuskan amalan rasuah dalam Kementerian Pendidikan tetapi usaha kementerian itu kurang dihebohkan atau disebarkan apatah lagi diterima oleh orang ramai di peringkat akar umbi yang umumnya menjadi asas kekuatan politik kepada kerajaan (Periasamy, 2020). Persoalannya, dasar digubal untuk rakyat bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan dasar serta insentif yang diberikan harus sampai kepada rakyat dengan lebih berkesan (Siti Nor Azizah, 2019).

Malahan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) melaporkan Wawasan 2020 tidak dicapai disebabkan, sejak 15 tahun lepas, strategi dan dasar yang salah telah diberi penekanan oleh kerajaan sebelum ini. Kerajaan tidak memberi tumpuan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara maju mengikut definisi kita sendiri menjelang tahun 2020 (Bernama, 2019). Bagaimanapun, Che Zanariah dan Fadzilah (2016) berpandangan dasar itu boleh disampaikan melalui bahasa kerana penggunaan bahasa dalam menghasilkan penulisan merupakan proses yang kompleks dan perlu dilaksanakan mengikut tahap secara sistematik. Melalui bahasa dan pembingkai terhadap isu-isu tertentu dalam penulisan isu kompleks memudahkan proses literasi kefahaman pembaca. Lee, Rizal dan Rafiq (2018), menyatakan pembingkai isu-isu semasa dan cara media membingkai agenda amat penting. Proses membingkai isu melalui penulisan amat penting terutama dalam soal dasar kerajaan kerana isu yang diberi tumpuan akan difikirkan dan diterjemahkan oleh rakyat dengan lebih baik daripada segi maknanya dan tujuan sebenar. Kegagalan menyampaikan makna dalam penulisan memberi impak yang tidak baik kepada kerajaan. Oleh itu, golongan yang mampu menguasai penulisan yang baik dalam menyampaikan maklumat adalah wartawan dan editor di organisasi media. Ini kerana menurut Mior Kamarul Shahid (2016), gabungan pengalaman, kematangan berfikir dan kemampuan

menulis yang masih wujud dalam kumpulan wartawan adalah satu 'kuasa' yang tidak pernah dieksploitasi oleh mana-mana pihak secara tersusun. Sebagai wartawan, kekuatan mereka ialah bidang penulisan dan penyuntingan. Menurut Garland, Tambini dan Coudry (2018), wartawan diberi peluang untuk menulis berita dengan kata, frasa dan ayat sendiri bersama dengan gambar.

Kuasa autonomi wartawan membolehkan wartawan menulis berita mengikut kehendak dan pengetahuan mereka. Selain itu, faktor lain ialah pengalaman profesional wartawan dan editor membolehkan mereka melaksanakan teknik pemberitaan secara berita strategik dalam penulisan mereka dalam semua aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial. Capella dan Jamieson (1997) pernah menyatakan berita itu boleh direncanakan apabila mempunyai input yang menarik dan niat untuk membentuk strategi berita itu. Persoalannya, bagaimana proses pemberitaan berlaku membabitkan penyusunan kata, ayat-ayat, frasa-frasa, isu tumpuan dan semua aspek lain. Ini kerana perbezaan kandungan yang ditulis oleh wartawan dapat dilihat apabila penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat tertentu dalam berita yang ditulis dan dibingkaikan oleh wartawan bagi menyampaikan mesej sesetengah pihak yang mempunyai kepentingan dan agenda tertentu. Oleh yang demikian, seringkali pembaca yang membaca berita melihat kebanyakan berita yang disiarkan dalam media massa sebagai agenda kerajaan untuk diberitahu dan dihebahkan kepada rakyat dalam pelbagai saluran dan bentuk pemberitaan.

Secara keseluruhannya pemingkaian isu-isu penting masyarakat boleh dilihat dalam aspek metafora dan perkataan seperti kajian Stier (2016) yang menganalisis komunikasi politik oleh elit partisan di *Twitter* dengan menyiasat sama ada *tweet* pada perbahasan politik Amerika Syarikat. oleh pemimpin parti Demokratik dan Parti Republik bercanggah dengan semantik mereka. Paling penting kajian ini menggunakan analisis teks *Twitter* mengikut perkataan. Brugman, Burgers dan Steen (2017) pula menyatakan pemingkaian isu dan pemingkaian generik adalah sama selepas melakukan kajian melibatkan pemingkaian metafora. Walaupun pemingkaian metafora dan penggunaan perkataan menjadi penting dalam pemingkaian berita.

Bagi melaksanakan hasrat kerajaan dan organisasi media, wartawan amat diperlukan bagi menulis berita sama ada berita biasa atau berita strategik selepas mendapat arahan daripada editor yang mempunyai agenda media. Penulisan berita dan akhbar adalah mediator yang paling kerap digunakan untuk menyampaikan informasi kerana ia bersifat sehalu dan menyebarkan informasi tanpa batasan kepada pembaca dengan mesej-mesej bermakna.

METODOLOGI

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Pendekatan analisis kandungan digunakan sepenuhnya untuk mengeluarkan data bagi kajian mengenai pemingkaian berita strategik Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada 2010-2014 di Malaysia. Analisis kandungan termasuk pendekatan Analisis Wacana Kritikal (*Critical Discourse Analysis*) atau CDA dan penggunaan Analisis Kritikal Metafora (*Critical Metaphora Analysis*) atau CMA untuk mengenal pasti penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat yang digunakan oleh organisasi media dalam menghasilkan berita strategik di dalam tiga akhbar membabitkan Berita Harian, Utusan Malaysia dan Malaysiakini. Pengkaji telah mengumpul sebanyak 221 berita mengenai GTP dan NKRA yang terdapat di dalam tiga akhbar itu. Hasil daripada 221 berita itu, sebanyak 315 pemingkaian generik dihasilkan dengan lapan kata kunci konsep metafora mengenai dasar kerajaan telah dibingkaikan Bagaimanapun, dalam artikel ini hanya empat kata kunci yang dibincangkan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memilih beberapa teks daripada tiga jenis akhbar iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia dan Malaysiakini. GTP yang dimulakan semasa tempoh Dato' Seri Najib Razak yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Sebanyak 221 berita mengenai GTP dan NKRA yang terdapat di dalam tiga akhbar itu. Hasil daripada 221 berita itu, sebanyak 315 pembedingkaian generik dihasilkan daripada lapan kata kunci konsep metafora mengenai dasar kerajaan telah dibingkaikan. Daripada 315 pembedingkaian generik yang terdiri daripada kata, frasa dan ayat-ayat akan dihuraikan sebagai hasil kajian mengikut lapan konsep metafora yang dibentuk. Bagaimanapun, dalam artikel ini hanya tiga konsep metafora yang akan dibincangkan. Antaranya kata, frasa dan ayat-ayat dalam metafora GTP Satu Perjalanan, NKRA Perang Jenayah, NKRA Rasuah Satu Jenayah. Dalam menjelaskan konsep metafora Kumaran (2013) menyatakan kriteria utama dalam mengenal pasti metafora adalah yang mana metafora ini berkongsi sumber utama yang serupa dan ianya dikelompokkan untuk membantu mengenal pasti metafora konsepnya. Oleh itu, kajian ini mewujudkan jadual pembedingkaian generik (metafora) dan konsep metafora dan memberi beberapa ulasan bagi menunjukkan maksud apa maklumat yang cuba disampaikan kepada rakyat.

Pembingkaiian Generik dan Metafora GTP Satu Perjalanan

Kajian mendapati pembedingkaian kata, frasa dan ayat-ayat menggambarkan GTP sangat banyak digunakan oleh wartawan dan editor oleh ketiga-tiga akhbar dalam kajian ini. Antara contoh pembedingkaian generik daripada metafora GTP Satu Perjalanan ialah;

...usaha yang dijalankan membuah hasil, merubah *landscape* sosio budaya ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020, bertujuan mengubah masa depan negara ini secara signifikan, kerajaan lebih telus dan inklusif dalam pelaksanaan tonggak GTP dan mengubah ekonomi Malaysia kepada kawasan tumpuan pembangunan dan pelaburan...

Semua kata, frasa dan ayat-ayat yang ditulis oleh wartawan dan editor menunjukkan dan menggambar itu adalah perjalanan dasar GTP. Berikut adalah Jadual 1: Pembedingkaian Generik dan Metafora GTP Satu Perjalanan seperti yang dinyatakan di bawah ini;

Jadual 1 : Pembedingkaian Generik dan Metafora GTP Satu Perjalanan

KONSEP METAFORA	PEMBINGKAIAN GENERIK
GTP Satu Perjalanan	<ul style="list-style-type: none">• Mengubah ekonomi Malaysia kepada kawasan tumpuan pembangunan dan pelaburan• Melaksanakan pelbagai inisiatif• Kerajaan lebih telus dan inklusif dalam pelaksanaan tonggak GTP• Untuk merubah kerajaan ke arah lebih efektif dan bertanggungjawab• Mengubah masa depan negara ini secara signifikan• Menggunakan pendekatan dari atas ke bawah ini untuk membawa perubahan kepada negara• Imej• Menjadikan kerajaan lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan

- Penjawat awam yang bertugas di barisan hadapan itu merupakan cermin kepada imej kerajaan
 - Kerajaan berjaya melaksanakan agenda-agenda yang telah ditetapkan
 - Diterima dengan baik dan imaginasi rakyat berjaya disentuh dengan pelbagai transformasi negara
 - Syarikat-syarikat Amerika Syarikat (AS) memberikan unjuran positif bagi perniagaan dan perluasan di Malaysia
 - Disokong Jawatankuasa Penilaian prestasi Antarabangsa
 - Hala tuju kerajaan yang jelas melalui usaha berterusan
 - pelaksanaan GTP pada tahun pertama menunjukkan prestasi membanggakan
 - Kesan GTP boleh dilihat dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semakin kukuh dan stabil
 - 10 negara paling berdaya saing di dunia, mengikut laporan World Competitiveness Yearbook 2010 (WCY)
 - Menjadi negara berekonomi tinggi pada 2020
 - Hasil dicapai setiap Bidang Keberhasilan Utama Negara, adalah memberangsangkan serta memenuhi banyak sasaran besar
 - Selaras dengan dasar 1Malaysia bertemakan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'
 - Kementerian Kewangan menyediakan dana tambahan sebanyak RM12 bilion
 - Menggerak laju ke hadapan pada kepantasan yang bukan menjadi kebiasaan bagi kerajaan
 - (GTP) sebagai kejayaan di luar jangkaan
 - Meneruskan usaha mendahulukan rakyat dan mendengar denyutan nadi rakyat
 - Menunjukkan bahawa kita mempunyai agenda yang begitu komprehensif dan menyeluruh
 - Menjadikan penyampaian kerajaan bagi perkhidmatan awam lebih efektif
 - Memperkukuh dan melaksanakan penambahbaikan kepada sistem penyampaian kerajaan yang melibatkan kepentingan rakyat
 - Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagai asas perbandingan dengan agenda serta dasar pakatan pembangkang
 - GTP catat kejayaan apabila ekonomi negara mencapai 104 peratus peningkatan
 - Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam
 - Momentum pencapaian GTP ini memang patut diteruskan
 - Mahu para penjawat awam mempraktikkan keterbukaan fikiran
 - Penambahbaikan yang dilaksanakan adalah teguh, bertahan lama
-

Penyataan kata, frasa dan ayat-ayat dalam pemingkaian generik di atas nampak lebih jelas apabila pengkaji meletakkan secara sepenuhnya paragraf bahan berita yang ditulis dan disunting oleh wartawan dan editor. Ini kerana tidak dinafikan wartawan dan editor cuba hendak menyampaikan mesej bahawa GTP merupakan program yang menekankan hasil kerja yang tinggi oleh kakitangan awam supaya rakyat mendapat kepuasan daripada perkhidmatan yang telah diberikan. Bagi memberikan yang terbaik kepada rakyat, transformasi secara besar-besaran dilakukan dan ianya berperingkat-peringkat agar rakyat terus menikmati hasil pembangunan dan kemajuan. Selain daripada itu, agenda pembangunan mencapai wawasan negara juga dapat diteruskan. Program yang dilaksanakan ini amat berbeza dengan program kerajaan. Oleh itu, penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat yang sangat jelas amat penting dalam sesuatu penulisan berita. Ia dapat dilihat pada teks dibawah:

CONTOH TEKS 1: ...Melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan selanjutnya, Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang kedua-duanya bertujuan mengubah masa depan negara ini secara signifikan...

(Berita Harian, 28 Mac 2011)

Berdasarkan contoh teks 1, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ini dapat mengubah masa depan negara dengan mengetengahkan beberapa dasar untuk kesejahteraan rakyat agar ekonomi negara dapat melonjak kepada peringkat yang lebih tinggi dan matlamat Wawasan Negara dapat dicapai.

CONTOH TEKS 2: Program Transformasi Kerajaan atau GTP mempunyai sasarannya untuk menjadikan penyampaian kerajaan bagi perkhidmatan awam lebih efektif dan bagi menggerakkan Malaysia ke hadapan untuk menjadikannya maju, bersatu dan masyarakat saksama dengan standard kehidupan yang tinggi untuk semua.

(Malaysiakini, 18 Mei 2011)

Contoh teks 2, kerajaan secara jelas mahu Program Transformasi Kerajaan atau GTP mampu menggerakkan Malaysia ke hadapan untuk menjadikannya negara maju, rakyat yang bersatu dan memiliki masyarakat yang saksama serta standard kehidupan yang tinggi untuk semua.

CONTOH TEKS 3: GTP mempunyai dua matlamat, pertama untuk merubah kerajaan ke arah lebih efektif dan bertanggungjawab dan kedua, untuk melonjatkan semua peringkat masyarakat ke tahap yang maju, bersatu padu, selamat dan adil dengan kualiti kehidupan tinggi.

(Berita Harian, 17 Januari 2010)

Manakala, contoh teks 3, menunjukkan bahawa kerajaan tidak memilih kaum yang tertentu dalam memberikan bantuan. Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai kaum, namun kerajaan akan bersikap bertanggungjawab kepada rakyat tanpa bersifat diskriminasi terhadap kaum yang lain. Demi merealisasikan GTP dan melihat pertumbuhan ekonomi yang baik, ianya memerlukan sokongan dan dorongan dari semua rakyat tidak kira kaum, bangsa mahupun agama. Hal ini kerana masing-masing memainkan peranan yang penting dalam membentuk sebuah negara yang maju.

CONTOH TEKS 4: Kerajaan telah pun menggunakan pendekatan dari atas ke bawah ini untuk membawa perubahan kepada negara terutama melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Transformasi Politik (PTP)...

(Malaysiakini, 21 November 2011)

Melihat kepada contoh teks 4, kerajaan telah menggunakan pelbagai cara dengan mendekati diri bersama rakyat dan memberi maklumat mengenai program transformasi kepada mereka supaya rakyat lebih memahami memahami pelan strategik yang dibangunkan oleh kerajaan untuk kemajuan dan pembangunan negara.

CONTOH TEKS 5: Malaysia buat pertama kali berjaya berada pada kedudukan 10 negara paling berdaya saing di dunia, mengikut laporan *World Competitiveness Yearbook 2010* (WCY) yang diterbitkan oleh *Institute for Management Development* (IMD) yang berpusat di Switzerland. Kedudukan terbaru itu menggambarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah membuahkan hasil...

(Utusan Malaysia, 19 Mei 2010)

Selain itu, berdasarkan contoh teks 5, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dikatakan berjaya apabila Malaysia mendapat kedudukan 10 negara berdaya saing kerana Malaysia mempunyai ekonomi yang stabil infrastruktur yang kukuh yang dapat dinikmati oleh rakyat. Program GTP yang telah dilaksanakan ini dapat dilihat dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia serta pelaburan daripada luar melabur ke Malaysia.

Oleh yang demikian, berdasarkan beberapa contoh di atas, dapat dilihat bahawa GTP ini memainkan peranan penting kepada kerajaan bagi membentuk ke arah negara maju. Penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat sangat jelas dan mudah untuk difahami. Daripada kata, frasa dan ayat-ayat yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa penggunaan teks yang mudah dan tidak mengelirukan pembaca.

Kajian ini juga memaparkan kata, frasa dan ayat-ayat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebagai inisiatif kerajaan yang terangkum dalam Program Transformasi Negara (GTP). Ini kerana pada Isnin (27 Julai 2009), Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) dalam GTP merangkumi tujuh teras NKRA, termasuk membabitkan bidang usaha bagi mengurangkan kadar jenayah, dan memerangi rasuah. Bidang-bidang lain termasuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan; meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah; memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman; dan menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana serta menangani kos sara hidup rakyat.

Dalam artikel ini hanya dua teras NKRA dibincangkan, iaitu NKRA Jenayah dan NKRA Menangani Rasuah untuk melihat penggunaan metafora dan penghasilan pbingkaian generik.

a. *Pembingkaian Generik dan Metafora NKRA Perang Jenayah*

Kajian ini akan melihat pbingkaian generik dan metafora yang terdapat di dalam setiap teks berkaitan NKRA yang cuba disampaikan oleh kerajaan kepada rakyat. Antara contoh kata, frasa dan

ayat-ayat yang dapat dikenal pasti ialah bermatlamat menjadikan Malaysia antara negara paling selamat di dunia, bandar serta persekitaran jalanannya lebih aman untuk seluruh rakyat dan menjalankan aktiviti mengatasi masalah jenayah bagi memberi keselesaan kepada rakyat dan negara. Berikut adalah dapatan kajian tersebut. Rujuk Jadual 2: Peningkatan Generik dan Metafora NKRA Perang Jenayah.

Jadual 2: Peningkatan Generik dan Metafora NKRA Perang Jenayah

KONSEP METAFORA	PENINGKATAN GENERIK
NKRA Perang Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Indeks Keselamatan Global meletakkan Malaysia di kedudukan ke-19 bagi Negara paling selamat di dunia di kalangan 156 negara lain • Kadar jenayah berjaya diturunkan sebanyak 27 peratus dalam masa tiga tahun Program Transformasi Kerajaan (GTP) • Rakyat mula yakin dengan usaha keras kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak • Masalah ekonomi, infrastuktur dan jenayah dapat dikurangkan dan diselesaikan • Inisiatif baru MyDistress iaitu aduan jenayah dalam talian akan diperkenalkan • Perlaksanaan sistem Malaysia Bandar Selamat (MSAFE) • Sistem pemantauan Bandar selamat (SPBS) • Penurunan jenayah jalanan sebanyak 25 peratus • Indeks jenayah keseluruhan pula turun sebanyak lima peratus • Kebimbangan rakyat Malaysia terhadap kemungkinan menjadi mangsa jenayah kini berkurangan • Penjenamaan semula RELA pula dimulakan menerusi Program 1Platun, 1Kampung, 1Taman • Meluluskan tambahan sebanyak 11,757 penjawatan anggota polis • Membina sebanyak 14 Ibu Pejabat Polis dan Balai Polis • Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM121 juta kepada PDRM • Memuji Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang terus berusaha mengurangkan kadar jenayah • Memulihkan banduan di penjara supaya residivis • Penurunan kadar jenayah, meneguhkan keyakinan semua pihak untuk mencapai matlamat • PDRM akan mampu menentukan hala tuju yang lebih jelas sekaligus berusaha bersungguh-sungguh • Kerjasama daripada semua pihak saya yakin kita dapat mambanteras kes jenayah • Usaha mengurangkan kejadian pecah masuk rumah, mencegah kecurian kenderaan • Memulihkan penagih dadah agar tidak kembali kepada tabiat lama • Mambanteras kes jenayah di Malaysia kerana kita mementingkan keselamatan rakyat • NKRA dilihat sangat tidak meyakinkan • Mahu keadaan yang selamat, tidak ada jenayah, tidak ada kemiskinan dan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik

- PDRM mengurangkan sehingga 35 peratus daripada 20 peratus
 - Membanteras jenayah jalanan termasuk ragut
 - Bermatlamat menjadikan Malaysia antara negara paling selamat di dunia
 - Bandar serta persekitaran jalanannya lebih aman untuk seluruh rakyat
 - Memastikan inisiatif yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai hasil disasarkan
 - Liga Balai Polis (BLT) adalah inisiatif NKRA
 - Program Bandar Selamat untuk mengurangkan kadar jenayah
 - Kerjasama membabitkan PDRM dan RTM dalam menangani jenayah merentasi sempadan
 - Mewujudkan lima lagi pusat pemulihan banduan di kem tentera melibatkan ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh Negara
 - Berjaya memulihkan semula banduan yang terlibat
-

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Perang Jenayah ini merupakan usaha kerajaan Malaysia dalam memenuhi keperluan rakyat. Menyedari hakikat bahawa cabaran jenayah pada masa kini semakin kompleks dan penjenayah semakin licik. Menteri Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengorak langkah bagi memperkemaskan lagi sistem operasi dan siasatan mereka di dalam negara. Pelbagai inisiatif telah mereka lakukan dalam menangani jenayah seperti jenayah jalanan. Ia dapat dilihat berdasarkan:

CONTOH TEKS 1: Bermatlamat menjadikan Malaysia antara negara paling selamat di dunia dengan bandar serta persekitaran jalanannya lebih aman untuk seluruh rakyat, kerajaan menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah sentiasa berusaha memastikan inisiatif yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai hasil disasarkan.

(Berita Harian, 28 Januari 2011)

Berdasarkan contoh teks 1, usaha yang dilakukan ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara paling selamat di dunia tanpa sebarang jenayah yang berlaku sama ada pada rakyat atau kepada pengunjung yang datang ke Malaysia. Selain itu, pelbagai inisiatif dan usaha akan dilakukan secara berperingkat-peringkat bagi mengekang aktiviti jenayah ini berlaku.

CONTOH TEKS 2: Wujudnya NKRA adalah untuk mengurangkan kadar jenayah supaya ia tidak menjejaskan kehidupan rakyat, sumber ekonomi dan negara itu sendiri malah demi melindungi mereka yang tersayang, kerajaan menetapkan sasaran tinggi untuk merendahkan paras jenayah iaitu untuk mengurangkan keseluruhan indeks jenayah sebanyak lima peratus dan jenayah jalanan sehingga 20 peratus sebelum Disember lalu.

(Berita Harian, 25 September 2011)

Bagaimanapun, contoh teks 2, adalah menyatakan usaha untuk mewujudkan NKRA Jenayah bagi mengurangkan keseluruhan indeks jenayah di negara ini. Ini menunjukkan kerajaan serius menangani masalah jenayah.

CONTOH TEKS 3: Selain yakin kadar jenayah secara keseluruhan turun sebanyak lima peratus, Menteri Dalam Negeri Hishammuddin Hussein dilaporkan berkata jenayah jalanan juga akan turun sebanyak 20 peratus menjelang Disember. Beliau berkata, laporan yang dikeluarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) mengenai penurunan kadar jenayah, meneguhkan keyakinan semua pihak untuk mencapai matlamat itu...

(Malaysiakini, 15 September 2010)

Menurut Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang merupakan Menteri Dalam Negeri, menegaskan bahawa Program Transformasi Kerajaan (GTP) ini membuahkan hasil apabila secara keseluruhannya, jenayah di Malaysia menurun sebanyak lima peratus dan beliau juga percaya negara akan bebas daripada jenayah pada hujung tahun.

CONTOH TEKS 4: ...Timbalan Perdana Menteri turut memuji Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang terus berusaha mengurangkan kadar jenayah dengan melaksanakan inisiatif yang dirangka mengikut Program Transformasi Negara (GTP). Ini terbukti berhasil apabila Laporan Indeks Keselamatan Global meletakkan Malaysia di kedudukan ke-19 bagi Negara paling selamat di dunia di kalangan 156 negara lain...

(Utusan Malaysia, 25 Ogos 2011)

Berdasarkan contoh teks 4, Tan Sri Muhyiddin Yassin gembira dengan kejayaan dan semangat yang ditunjukkan oleh pihak polis di mana mereka ini berusaha dalam mengurangkan kadar jenayah dengan pelbagai cara sehingga Malaysia mencapai tahap ke-19 antara negara paling selamat di dunia berbanding 156 negara lain.

CONTOH TEKS 5: GTP akan memfokus kepada usaha mengurangkan kejadian pecah masuk rumah, mencegah kecurian kenderaan, memulihkan banduan di penjara supaya residivis (kembali melakukan jenayah) dalam kalangan bekas banduan kurang daripada 20 peratus dapat dicapai, serta memulihkan penagih dadah agar tidak kembali kepada tabiat lama...

(Malaysia Kini, 20 Februari 2013)

Sebagai contoh teks 5, dasar terutama NKRA Jenayah dilaksanakan kerana kerajaan mahu mengurangkan kejadian pecah masuk rumah, mencegah kecurian kenderaan, memulihkan banduan di penjara supaya residivis (kembali melakukan jenayah) dalam kalangan bekas banduan supaya mereka tidak kembali melakukan jenayah di jalanan serta memberi pertimbangan memulihkan penagih dadah. Oleh itu, berdasarkan lima-lima artikel berita ini, dapat dilihat betapa komitednya pihak polis dan menteri dalam memberkas jenayah dan menjaga keselamatan negara. Dalam merealisasikan program ini, semua pihak perlu bersatu padu dalam membanteras jenayah dan menjadi Malaysia ini sebagai negara sifar jenayah.

b. *Pembangkaian Generik dan Metafora NKRA Rasuah Satu Jenayah*

Pembangkaian generik NKRA Rasuah Satu Jenayah dinyatakan dengan jelas dalam contoh ayat ini, kerajaan akan menangani isu rasuah dengan menamakan dan memalukan pesalah rasuah menerusi kaedah memaparkan pesalah rasuah dalam pangkalan data di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menjadikan usaha memerangi rasuah sebagai keutamaan pentadbirannya, dengan mewujudkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) antirasuah sebagai sebahagian Program Transformasi Kerajaan (GTP). Jadual 3 menunjukkan pembangkaian generik dan metafora NKRA rasuah satu jenayah:

Jadual 3: Pembangkaian Generik dan Metafora NKRA Rasuah Satu Jenayah

KONSEP METAFORA	PEMBINGKAIAN GENERIK
NKRA Rasuah Satu Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kerajaan menangani isu rasuah ● Menjadikan usaha memerangi rasuah sebagai keutamaan pentadbirannya, dengan mewujudkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) antirasuah sebagai sebahagian Program Transformasi Kerajaan (GTP) ● Mengekang gejala jenayah ● Semua 222 Ahli Parlimen akan diwajibkan mengikuti kursus berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ● Menamakan dan memalukan pesalah menerusi pangkalan data pesalah rasuah di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). ● Melaksanakan perubahan yang disarankan makmal NKRA Rasuah ● Matlamat mencegah rasuah dan penyalahgunaan dana pada peringkat akar umbi yang akan memberi manfaat kepada parti dan orang awam ● Membanteras rasuah bagi mengawal pembiayaan politik dan menyiasat penyalahgunaan dana di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Anti-Rasuah ● Membanteras rasuah bagi mengawal pembiayaan politik dan menyiasat penyalahgunaan dana di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Anti-Rasuah ● NKRA Memerangi Rasuah diiktiraf serta menampakkan keberkesanannya ● Syarikat korporat dalam perjanjian anti rasuah itu sekaligus akan menyahut pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) ● Kerajaan akan terus komited untuk membanteras rasuah, yang menjadi sebahagian besar daripada agenda nasional dan Program Transformasi Kerajaan ● Lima agensi penguatkuasaan dalam menggerakkan kempen anti rasuah ● Memerangi gejala rasuah dalam negara harus kekal menjadi keutamaan kerajaan ● Mahkamah Khas Rasuah antara langkah agresif kerajaan dalam menangani rasuah dan memastikan keadilan serta integriti ditegakkan dalam sistem perundangan negara ● Meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap integriti kerajaan

- Meningkatkan integriti dalam kalangan penjawat awam
 - Akta Perlindungan Maklumat 2010 merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif di bawah NKRA dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk membanteras jenayah rasuah secara habis-habisan
-

Mengenai kes rasuah yang sering berlaku di Malaysia, kerajaan komited dalam membasmi jenayah rasuah ini di Malaysia. Pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh badan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mengekang isu berkenaan rasuah yang kian menjadi di Malaysia terutamanya dalam golongan ahli politik. Ia dapat dilihat berdasarkan:

CONTOH TEKS 1: Semua 222 Ahli Parlimen akan diwajibkan mengikuti kursus berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan apabila Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0, bermula tahun depan...

(Berita Harian, 17 Disember 2012)

Menurut contoh teks 1, kesemua ahli parlimen diwajibkan untuk melakukan kursus berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Hal ini bertujuan mendedahkan mereka kepada hukuman dan perkara-perkara yang tidak baik terutama kepada mereka yang mempunyai jawatan di dalam kerajaan agar mereka sentiasa menjaga imej mereka sebagai seorang wakil rakyat yang berintegriti dan tolak akan sebarang rasuah dan penyelewengan.

CONTOH TEKS 2: Pada Februari 2012, melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelaksanaan inisiatif baharu membanteras rasuah bagi mengawal pembiayaan politik dan menyiasat penyalahgunaan dana di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Anti-Rasuah...

(Malaysiakini, 7 Jun 2014)

Berdasarkan contoh teks 2, dalam membanteras rasuah dalam kalangan ahli politik, Dato' Seri Najib Tun Razak telah memperkenalkan inisiatif yang baru di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Anti-Rasuah. Ini juga dapat membuktikan bahawa kerajaan sentiasa menyokong SPRM menjalankan tugas mereka membanteras rasuah secara tersusun dan profesional kerana budaya rasuah menjadi ancaman kepada masa depan negara.

CONTOH TEKS 3: Kerajaan yakin matlamat mencegah rasuah dan penyalahgunaan dana pada peringkat akar umbi yang akan memberi manfaat kepada parti dan orang awam. Inisiatif itu akan diperkenalkan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dicadangkan oleh lembaga penasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)...

(Utusan Malaysia, 27 Februari 2012)

Berdasarkan contoh teks 3 memperlihatkan kerajaan terlalu yakin dapat mencegah rasuah di peringkat akar umbi dan parti dengan memberi kepercayaan penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Contoh Teks 4: Akta Perlindungan Maklumat 2010 merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif di bawah NKRA dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk membanteras jenayah rasuah secara habis-habisan...

(Utusan Malaysia, 7 November 2010)

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 memperhatikan perlindungan kepada pemberi maklumat yang secara sukarela tampil ke hadapan untuk membuat aduan atau mendedahkan maklumat mengenai salah laku rasuah. Akta ini menggalakkan orang awam dari semua sektor untuk mendedahkan aktiviti mengenai rasuah.

CONTOH TEKS 5: Menjadi keutamaan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk membanteras rasuah dan pada masa yang sama, meningkatkan integriti dalam kalangan penjawat awam...

(Utusan Malaysia, 6 Julai 2013)

Setiap penjawat awam tidak akan terlibat dalam memberi atau menerima apa-apa bentuk rasuah dan sogokan secara langsung atau tidak langsung. Mereka perlulah mempunyai sikap telus, kejujuran dan kebertanggungjawaban yang mantap. Sekiranya berlaku sebarang sogokan, mereka yang lihat perlulah membuat aduan agar pihak SPRM dapat mengambil tindakan terhadap pemberi dan penerima sogokan. Oleh itu, secara keseluruhannya Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ini amat memainkan peranan yang penting terutamanya dalam menangani gejala rasuah. Kerajaan sangat komited dalam menangani gejala rasuah ini daripada berlaku di Malaysia. Dalam kelima-lima teks ini, dapat disimpulkan bahawa metafora yang digunakan dalam setiap teks memudahkan kefahaman kepada setiap pembaca.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan dapatan kajian ini memperlihatkan kesungguhan organisasi media menyusun sasaran mereka untuk menyampaikan dasar kerajaan walau dengan apa cara sekalipun. Mereka mempunyai kemahiran dan teknik tersendiri bagi mengukuhkan hujah dalam penyampaian berita mengenai dasar kerajaan. Nampak jelas, pendekatan mengkategori berita mengikut tema disusuli penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat tertentu secara terancang atau tidak dirancang memberi kesan positif kepada penyebaran maklumat dasar kerajaan kepada rakyat. Pembentukan pbingkai generik dengan menggunakan pendekatan metafora memudahkan kefahaman apabila penulisan diterjemahkan dengan cara lebih dipahami dengan menggunakan kata, frasa-frasa dan ayat-ayat tertentu. Ini diakui oleh editor dan ketua editor yang membuat pengakuan bahawa pbingkai berita dalam organisasi media mereka dilakukan secara tersusun bagi menyampaikan mesej polisi kerajaan. Mereka juga mengakui pemberitaan secara strategik digunakan secara meluas terutama paparan dasar kerajaan yang lebih rumit berbanding isu lain. Penggunaan teknik pbingkai dan berita strategik memberi kesan kepada pembaca yang menjadi elemen terakhir bagi mengukur keberkesanan penulisan, teknik pbingkai dan kefahaman pembaca. Dengan itu, kajian ini memperlihatkan wartawan dan editor memfokuskan isu-isu tertentu bagi membolehkan rakyat memahami dengan jelas apa yang dihasratkan oleh kerajaan. Mereka menumpukan penulisan bagi mencapai matlamat supaya rakyat memahami dasar

kerajaan walaupun ia sedikit rumit untuk difahami kerana bersifat terbuka dan khusus. Bagaimanapun, dengan meletakkan kategori, tema dan peningkatan generik rakyat tahu apa yang cuba disampaikan oleh wartawan dan editor ketiga-tiga akhbar.

Kesimpulannya, penyiaran berita mengenai dasar kerajaan dapat dibuktikan dengan wujudnya penulisan berita mengenai dasar GTP yang ditingkatkan untuk dibaca oleh pembaca dikupas secara mendalam. Pembinaan peningkatan generik berita mengikut kategori dan tema yang ditetapkan. Kesinambungan peningkatan berita ini diteruskan apabila pengkaji meneliti mengenai kata, frasa dan ayat-ayat dalam berita yang ditingkatkan. Aspek kata, frasa dan ayat-ayat diuji menggunakan CDA dan CMA bagi memperlihatkan peningkatan generik dan metafora dalam berita.

Secara keseluruhannya, peningkatan generik (metafora) dan konsep metafora digunakan dengan baik oleh wartawan dan editor dalam menyampaikan maklumat mengenai dasar kerajaan dalam GTP dan NKRA. Penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat yang sesuai dapat dikenal pasti dalam semua konsep metafora yang dibentuk dalam kajian ini. Malahan, ia dapat dibuktikan bahawa penggunaan kata, frasa dan ayat-ayat memberi makna dan maksud tersendiri serta mampu ditafsirkan oleh khalayak.

BIODATA

Dr. *Azahar Kasim* adalah seorang pensyarah kanan bidang media di Program Teknologi Media, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Beliau berminat dengan bidang Digital Media, Konvergen Media, Kandungan Media, Peningkatan, Media dan Politik, Inovasi Media, dan Aplikasi Media. Beliau adalah bekas wartawan dan editor media arus perdana yang berkhidmat hampir 15 tahun dalam bidang kewartawanan di Malaysia. Email: azahar00kasim@gmail.com

Dr. *Mokhtarrudin Ahmad* adalah seorang pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi Gunaan, Universiti Multimedia. Beliau berminat di dalam penyelidikan berkaitan dengan Perhubungan Awam, Komunikasi Korporat, Teknologi Komunikasi dan juga Literasi Media Digital. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 20 artikel jurnal dan lebih daripada 50 artikel popular. Beliau kini memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan (Pelajar dan Alumni) serta Koordinator Program Pasca Siswazah Fakulti. Email: mokhtarrudin@mmu.edu.my

Dr. *Azman Bidin* merupakan Ketua Jabatan Pembangunan Manusia di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan dan Penyelaras Program bagi program Sarjana Komunikasi Perniagaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau mengajar beberapa subjek dalam program reka bentuk pengiklanan untuk ijazah sarjana muda, seperti Promosi Jenama Bersepadu dan Reka Bentuk Pengiklanan. Beliau berkhidmat selama sepuluh tahun dengan Telekom Malaysia (TM) dari 1996, terutamanya di bawah TM Net sebelum menyambung ijazah sarjana dalam Pengurusan Komunikasi dari Strathclyde University, Scotland. Email: azman.bidin@umk.edu.my

Rachmat Kriyantono, PhD, adalah Ketua Jabatan Komunikasi dan Pensyarah Kanan, Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia. Bidang tumpuan beliau ialah Perhubungan Awam, komunikasi dan media. Email: rachmat_kr@ub.ac.id

RUJUKAN

- Berita Harian*. (2012, Disember 17). Ahli parlimen wajib ikuti kursus berkaitan rasuah.
- Berita Harian*. (2011, Mac 28). 2010 tahun limpahan perubahan.
- Berita Harian*. (2010, Januari 17). TC Gopeng pelengkap agenda.
- Berita Harian*. (2011, September 25). Program Bandar Selamat lindungi rakyat.
- Berita Harian*. (2011, Januari 28). Pencapaian NKRA ke arah pengurangan indeks jenayah.
- Bernama*. (2019). Wawasan 2020 tidak dicapai berikutan kegagalan kerajaan terdahulu – Mahathir. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1775208>
- Brugman, B. C., Burgers, C., & Steen, G. J. (2017). Recategorizing political frames: A systematic review of metaphorical framing in experiments on political communication. *Annals of the International Communication Association*, 41(2), 181-197.
- Capella, J., & Jamieson, K.H. (1997). *Spiral of cynicism: The press and the public good*. New York: Oxford University Press.
- Che Zanariah Che Hassan, & Fadzilah Abdul Rahman. (2016). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, Nur Zakira Afnee Zakaria, & Nuraina Nabila Dundai Abdullah. (2015). Hubungan penggunaan media sosial dan penerimaan mesej dakwah. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah*, pp. 181-91.
- Figenschou, T. U., & Thorbjørnsrud, K. (2015). Qualitative political communication | Backstage media-political elite negotiations: The failure and success of government pitch. *International Journal of Communication*, 9, 1-19.
- Fredriksson, M., Olsson, E. K., & Pallas, J. (2014). Creativity caged in translation: A neo-institutional perspective on crisis communication. *Revista Internacional de Relaciones Públicas*, 4(8), 65-84.
<http://revistarelacionespublicas.uma.es/index.php/revrpp/article/view/280>
- Garland, R., Tambini, D., & Couldry, N. (2018). Has the government been mediatized? A UK perspective. *Media, Culture & Society*, 40(4), 496–513.
- Jo, W., & You, M. (2019). News media's framing of health policy and its implications for government communication: A text mining analysis of news coverage on a policy to expand health insurance coverage in South Korea. *Health Policy*, 123(11), 1116-1124.
- KhosraviNik, M. (2022). Digital meaning-making across content and practice in social media critical discourse studies. *Critical Discourse Studies*, 19(2), 119-123.
- Kumaran Rajandran. (2013). Metaphors for Malaysia's economic transformation programme. *Kajian Malaysia*, 31(2), 19-35.
- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris, & Rafiq Idris. (2018). Propaganda dan disinformasi: Politik persepsi dalam Pilihanraya Umum ke 14 (PRU-14). *Jurnal Kinabalu*, (Edisi Khas), 171-198.
- Maizatul Haizan Mahbob, Noorazwa Rahmat, & Wan Idros Wan Sulaiman. (2013). Acceptance of social innovation in Malaysia: Advocacy and the impact of government transformation programme (GTP). *Journal of Asian Pacific Communication*, 23(2), 222-236.
- Malaysia Kini*. (2013, Februari 20). Abu Seman: GTP2 tangkis persepsi isu keselamatan.
- Malaysia Kini*. (2010, September 15). Kadar jenayah mampu diturunkan.

- Malaysia Kini*. (2010, November 21). Najib: Generasi muda penentu kejayaan BN.
- Malaysia Kini*. (2014, Jun 7). NKRA antirasuah syor dana politik diistiharkan.
- Malike Brahim, Mohamad Zaki Ahmad, & Musliza Mohamad. (2018). Menilai prioriti tuntutan rakyat dari perpektif dasar awan dan peranan wakil rakyat. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 45(1), 25-146.
- Mior Kamarul Shahid. (2016, Januari 22). Manafaat 'kuasa' wartawan dahulu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/01/116846/manfaat-kuasa-wartawan-dahulu>
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar, & Nur Shakila Hussain @ Othman. (2019). Tanggapan dan harapan masyarakat terhadap penulisan berita di media arus perdana di Malaysia. *e-Academia Journal*, 8(1).
- Mohd Zuwairi Mat Saad, & Normah Mustaffa. (2018). Teknologi pendorong kepada transformasi corak penulisan berita pilihan raya Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-17.
- Mohd Zuwairi Mat Saad, Normah Mustaffa, Abdul Latiff Ahmad, & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2016). Transformasi corak penulisan berita dalam akhbar arus perdana malaysia. *e-Bangi*, 11(1), 300-316.
- Noor Amirah Suhaimi Abdul Rahman, Mohd Rozaimy Redzuan, Sharifah Syahirah, & Syed Sheikh. (2012). Persepsi golongan belia mengenai personaliti, pentadbiran dan dasar Najib Tun Razak. *Proceeding The 8th Malaysian Studies Conference*, pp. 1-20. Bangi.
- Norli Yusuf, Mohd Sufiean Hassan, Tun Mastura Wan Lokman, & Fazurah Mustaffa. (2021). Pembudayaan akhbar online mengenai isu bantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia. *Jurnal Al-'Ulwan*, 6(1), 95-109.
- Normah Mustaffa, & Faridah Ibrahim, (2018). Pembudayaan visual berita krisis Lahad Datu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 170-184.
- Norman Goh. (2018, Oktober 14). Peluang yang terlepas dan langkah seterusnya buat Malaysia. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/447259>
- Periasamy, M. (2020, Januari 4) Peletakan jawatan Dr Maszlee kesan kegagalan urus persepsi rakyat? *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peletakan-jawatan-dr-maszlee-kesan-kegagalan-urus-persepsi-rakyat-227158>
- Sabah Media*. (2021). Media berperanan penting sebar dasar & pembangunan Sabah. <https://sabahbarunews.com/media-berperanan-penting-sebar-dasar-pembangunan-sabah>
- Shahrul Nazmi Sannusi. (2020). Literasi media dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap isu alam sekitar. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 124-142.
- Sitti Nor Azizah Talata. (2019). Dasar kerajaan perlu diperjelas, difahami rakyat. *Sabah News*. <https://www.sabahnewstoday.com/dasar-kerajaan-perlu-diperjelas-difahami-rakyat>
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *e-Bangi*, 11, 214-226.
- Stier, S. (2016, May). Partisan framing of political debates on Twitter. *Proceedings of the 8th ACM Conference on Web Science* (pp. 365-366).
- Utusan Malaysia*. (2010, Mei 19). Lapan inisiatif pembaharuan strategik.

Utusan Malaysia. (2011, Ogos 25). Kejayaan dicapai jadi iltizam untuk kerajaan berusaha lebih gigih.

Utusan Malaysia. (2012, Februari 27). Laksana dasar: Semua pihak diutamakan.

Utusan Malaysia. (2013, Julai 6). Penjawat awam digesa praktik keterbukaan fikiran.

Utusan Malaysia. (2010, November 7). TPM mahu 1Malaysia difahami.

Yahya Abdul Rahman. (2017). Impak kawalan State terhadap kebebasan media di Malaysia. *e-Bangi*, 14(7).